

09 APR 2001

PANGSAPURI KOS RENDAH UNTUK MANGSA KEBAKARAN KAMPUNG LINDUNGAN

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Kesemua 14 keluarga yang hilang rumah mereka dalam satu kebakaran di Kampung Lindungan di sini minggu lepas akan diberikan pangsapuri kos rendah di Puchong yang berharga RM40,000 setiap satu, kata Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Beliau berkata selain 14 keluarga India itu, enam keluarga Melayu dari kawasan yang sama akan diperuntukkan sebuah unit setiap satu di bawah kes istimewa.

Samy Vellu berkata beliau akan membuat permohonan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi mangsa-mangsa itu menjelaskan bayaran pendahuluan bagi unit mereka.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menemui mangsa tersebut di Dewan Masyarakat Kampung Lindungan selepas Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman melawat mangsa itu dan menyumbangkan RM350 kepada setiap keluarga.

Samy Vellu berkata MIC akan juga membantu mangsa-mangsa itu untuk membuat pengeluaran dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

-- BERNAMA

AN DC AKD